






DEFINISI

BULI

❁ Apa itu Buli?

Tindakan agresif yang dilakukan secara berulang-ulang oleh seseorang individu atau kumpulan terhadap seseorang yang lebih lemah. Ia melibatkan tindakan seperti :

- Mengejek
- Mengugut
- Memukul
- Mengasingkan mangsa
- Memalukan mangsa (fizikal/ lisan/ psikologi/ media sosial)



GANGSTERISME

❁ Apa itu Gangsterisme?

Penglibatan remaja dalam kumpulan atau geng yang melakukan aktiviti jenayah atau antisosial secara terancang (ada struktur organisasi seperti mempunyai ketua dan ahli yang mematuhi peraturan).

Aktiviti ini termasuk :

- Keganasan
- Pemerasan
- Pergaduhan berkumpulan
- Vandalisme
- Penyalahgunaan dadah


Dalil al-Quran

INI MENUNJUKKAN BAHAWA ALLAH
S.W.T ADA MENETAPKAN **LARANGAN**
DAN BALASAN BUAT MEREKA YANG
MEMUKUL ORANG LAIN

وَوُضِعَ الْكِتَابُ فَتَرَى الْمُجْرِمِينَ مُشْفِقِينَ مِمَّا فِيهِ وَيَقُولُونَ يُوَيْلَتَنَا
مَا لِي هَذَا الْكِتَابِ لَا يُغَادِرُ صَغِيرَةً وَلَا كَبِيرَةً إِلَّا أَحْصَاهَا وَوَجَدُوا مَا
عَمِلُوا حَاضِرًا وَلَا يَظْلِمُ رَبُّكَ أَحَدًا

Maksudnya: Dan diletakkan kitab (buku amalan), maka kau dapat melihat golongan yang melakukan dosa-dosa berasa takut terhadap apa yang terdapat di dalamnya. Dan mereka berkata: "Alangkah celakanya kami ini, kitab apakah ini yang **tidak terlepas dosa kecil dan dosa besar melainkan kesemuanya tercatat !**", mereka mendapati apa yang telah mereka kerjakan sebelum ini dan Tuhan kamu tidak pernah menzalimi seseorang pun.

SURAH AL-KAHFI AYAT 49



JENIS BULI

Jenis-jenis buli yang biasa berlaku, khususnya di sekolah dan institusi pendidikan boleh diklasifikasikan kepada beberapa kategori utama berdasarkan ciri dan kaedahnya. Hal ini disebabkan buli bukan sahaja melibatkan kekerasan fizikal, tetapi juga tindakan lisan, psikologi, siber dan gangguan seksual.

Gangsterisme pula sering dikaitkan dengan buli fizikal dan psikologi yang lebih terancang dan berterusan, serta boleh melibatkan jenayah yang serius.



BULI FIZIKAL

- Kekerasan terhadap tubuh atau harta benda
- Contoh : Memukul, menendang, menampar, mencuri serta merosakkan harta benda



BULI LISAN

- Menggunakan kata-kata untuk menyakiti dan menghina
- Contoh : Mengejek, mengusik, memaki, memfitnah, mengancam serta *body-shaming*



BULI BUKAN LISAN

- Isyarat, gaya tubuh dan tindakan psikologi tanpa menggunakan kata-kata
- Contoh: Menjegilkan mata, senyum sinis, menjelir lidah serta pemuluan



BULI SIBER

- Menggunakan teknologi dan komunikasi untuk mengancam atau memalukan
- Contoh: Menyebarkan fitnah dalam talian, memulau di media sosial, menggodam akaun serta menyamar sebagai orang lain

BULI SIBER & LITERASI DIGITAL

Buli siber adalah isu yang semakin meruncing di kalangan masyarakat kini dengan penggunaan teknologi digital dan media sosial yang meluas. Oleh itu, literasi digital mempunyai peranan yang **SANGAT** penting bagi mengelakkan gejala ini terus berleluasa.

Apa itu LITERASI DIGITAL?

Literasi digital ialah kecekapan menggunakan teknologi digital untuk mengakses, memahami, menilai, dan menghasilkan maklumat secara beretika dan berkesan.

Meningkatkan Kesedaran tentang Buli Siber

- Literasi digital membantu individu mengenalpasti bentuk-bentuk buli siber seperti penghinaan, penyebaran fitnah, ugutan atau penyamaran identiti.
- **Contoh :** Pelajar menyedari bahawa mesej sindiran berulang di grup kelas adalah satu bentuk buli siber.

Menggalakkan Penggunaan Selamat Platform Digital

Literasi digital menggalakkan pengguna untuk:

- Menetapkan privasi akaun,
- Menyekat dan melaporkan pembuli,
- Elak berkongsi maklumat peribadi.
- **Contoh:** Seorang remaja tahu cara tetapkan "private account" dan melaporkan akaun palsu ke Instagram.

Mengajar Pemikiran Kritis terhadap Kandungan Digital

- Membantu individu menilai mesej atau kandungan digital dengan bijak dan tidak mudah terpengaruh dengan provokasi atau hasutan.
- Mengelakkan penyebaran semula mesej buli atau fitnah.
- **Contoh:** Pelajar tidak berkongsi video buli yang tular kerana sedar ia menyumbang kepada trauma mangsa.

Memperkasa Tindakan Bertanggungjawab dalam Komunikasi Digital

- Literasi digital menggalakkan etika komunikasi dalam talian — tidak menyerang, tidak memalukan orang lain.
- Membina budaya digital yang sopan dan empati.
- **Contoh:** Mahasiswa menegur rakan sekelas yang meninggalkan komen menghina dalam forum pembelajaran.



KAJIAN KES / STATISTIK

GEJALA BULI DAN GANGSTERISME SEMAKIN MEMBIMBANGKAN KERANA SABAN TAHUN PELBAGAI KES DILAPORKAN DI MEDIA MASSA

Kuasa "Viral/Tular" isu Buli

Satu contoh terkini kes buli yang mendapat perhatian meluas berlaku di MRSM Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang pada awal tahun 2024, namun hanya terbongkar apabila video insiden tersebut tular di media sosial pada April 2025

Kes Buli dalam Kalangan Pelajar

- Pada tahun 2023, sebanyak 11,594 kes buli dilaporkan di Sistem Sahsiah Diri Murid (SSDM), Kementerian Pendidikan Malaysia
- Jenis buli yang dilaporkan termasuk fizikal, verbal dan siber
- Angka semakin meningkat (326 kes - 2021 kepada 4994 -2023).

Statistik Buli

- Pada sesi 2024-2025, Kedah merekodkan 0.21% atau 748 pelajar terlibat dalam buli, dengan buli fizikal paling tinggi (440 kes).



Juvana & Gangsterisme

- Pada tahun 2020, seramai 4,833 remaja (12-17 tahun) ditahan atas pelbagai kesalahan jenayah termasuk mencuri, pecah rumah, dan keganasan. Seramai 285 remaja ditahan atas kesalahan berkaitan gangsterisme.

Kajian UNICEF 2018

- Lebih daripada 1 dalam 5 remaja berumur 13-17 tahun pernah mengalami buli, menandakan buli sebagai isu serius dalam kalangan remaja Malaysia.

PUNCA

Budaya buli dan gangsterisme semakin membimbangkan kerana kedua-dua ini berpunca daripada pelbagai faktor iaitu:



Pengaruh Rakan Sebaya

- Pengaruh rakan sebaya sangat kuat kerana banyak masa dihabiskan bersama
- Remaja cenderung mengikut tingkah laku kumpulan demi diterima dan tidak dipulaukan



Keluarga & Didikan Agama

- Kajian menunjukkan ramai pembuli dan ahli gangster berasal daripada "**broken family**" dan kurang didikan agama
- Kurangnya kasih sayang menjadikan remaja mencari identiti dan sokongan di luar rumah (menyertai kumpulan tertentu)



Pengaruh Media Massa

- Babak keganasan, hedonisme melampau, maksiat, gaya hidup kebaratan ditayangkan tanpa batasan
- Filem, drama, media sosial menjadi sumber utama tayangan segala perlakuan negatif



Kelemahan Sistem Pendidikan

- Penekanan cuma kepada aspek akademik sahaja tanpa menitik beratkan pembentukan sahsiah dan nilai agama
- Kelemahan dalam sistem disiplin sekolah, rekod pelajar dan pelaksanaan hukuman atau ganjaran yang tidak sewajarnya

KESAN

Budaya buli dan gangsterisme bukan sahaja menjejaskan mangsa secara fizikal dan emosi, malah memberi impak negatif yang mendalam terhadap:

- Perkembangan diri
- Hubungan sosial
- Masa depan

Kesan-kesan ini bukan sahaja dirasakan oleh individu yang terlibat, tetapi juga kepada:

- Keluarga
- Sekolah
- Masyarakat

Kesan Kepada Mangsa



- Mengalami masalah psikologi jangka masa panjang seperti kemurungan, kerisauan, gangguan makan, tiada keyakinan diri, cenderung untuk membunuh diri
- Masalah fizikal seperti sakit kepala, gangguan tidur, sakit abdomen, keletihan kronik
- Masalah menyesuaikan diri apabila dewasa, pelajaran merosot, ketinggalan dalam akademik, tercicir dalam arus persekolahan (akan wujud sindrom *school phobia*)
- Susah untuk mempunyai hubungan yang sihat (hubungan sosial)

Kesan Kepada Pelaku



- Cenderung untuk terus terlibat dengan kegiatan jenayah
- Membesar sebagai individu yang suka melanggar peraturan, bersikap kasar, sukar bergaul dengan masyarakat dan mendapat kepercayaan dari mereka
- Sukar mendapatkan pekerjaan kerana dilabel remaja bermasalah
- Berisiko disisihkan keluarga dan orang sekeliling

Kesan Kepada Keluarga dan Masyarakat



- Budaya buli mencemarkan imej remaja melayu Islam khususnya
- Menjejaskan keharmonian sosial
- Menurunkan kualiti pendidikan dan keselamatan di sekolah
- Maruah keluarga akan tercalar
- Tekanan emosi yang mempengaruhi keamanan keluarga (menjejaskan hubungan)

Kesan Terhadap Identiti Dan Perkembangan



- Remaja yang terlibat (pelaku) cenderung gagal untuk membina identiti diri yang positif dan stabil
- Mudah terpengaruh dengan persekitaran negatif
- Tiada motivasi dalam hidup (tiada hala tuju)
- Pembentukan akhlak dan sahsiah diri terbantut

LANGKAH MENGATASI BULI & GANGSTERISME

Dalam menangani gejala buli dan gangsterisme, pelbagai langkah perlu diambil secara menyeluruh dan bersepadu. Langkah-langkah ini melibatkan pelbagai peringkat bagi memerangi gejala ini secara holistik



1. Pengukuhan Institusi Keluarga

- Memberi perhatian, kasih sayang, pendidikan yang secukupnya kepada anak-anak

2. Pendidikan Nilai dan Agama

- Penekanan diberikan terhadap dua aspek ini dalam pembelajaran di samping kaedah pengajaran yang lebih berkesan supaya pelajar berhasil menerapkan nilai murni dalam kehidupan seharian



3. Kawalan Media Massa

- Bagi remaja yang bawah umur, ibu/bapa perlu mengawal kandungan atau media sosial yang boleh diakses oleh mereka
- Media perlu kerap berkongsi tentang kempen kesedaran buli/gangsterisme
- Menapis dan menyekat sebaik mungkin kandungan yang terlalu melampau untuk tontonan umum



LANGKAH MENGATASI BULI & GANGSTERISME

Dalam menangani gejala buli dan gangsterisme, pelbagai langkah perlu diambil secara menyeluruh dan bersepadu. Langkah-langkah ini melibatkan pelbagai peringkat bagi memerangi gejala ini secara holistik



4. Peranan Rakan Sebaya

- Rakan sebagai agen perubahan yang mampu membentuk kumpulan sokongan yang sihat dan membina
- Platform untuk berkongsi pengalaman, bersukan, memberi nasihat dan sokongan moral
- Dengan adanya kumpulan rakan sebaya, remaja akan rasa diterima dan dihargai tanpa perlu menjalankan aktiviti keganasan



5. Penguatkuasaan Undang-undang

- Undang-undang yang jelas dapat memberi pengajaran kepada pelaku buli dan gangsterisme
- Pengurusan sekolah perlu lebih tegas dalam membanteras gejala buli dan gangsterisme
- Hukuman terhadap buli mental masih belum dititikberatkan di Malaysia (*Prof Madya Dr Khairil, 2021*)

PERANAN PENDIDIKAN DALAM ISU BULI DAN GANGSTERISME

PENDIDIKAN memainkan peranan penting dalam mengurangkan masalah buli dan gangsterisme melalui pelbagai strategi yang menyeluruh dan bersepadu. Antara pendekatan yang berkesan adalah:

Mewujudkan persekitaran sekolah yang selamat dan menyokong

- Sekolah perlu memperkenalkan dasar anti-buli yang jelas, melatih guru dan kakitangan untuk mengenal pasti tanda-tanda buli, serta mengambil tindakan segera terhadap kes yang berlaku. Kumpulan sokongan rakan sebaya juga boleh diwujudkan untuk membantu mangsa dan mencegah kejadian buli.
- Kelas pemulihan buli - bagi pelaku.

Penglibatan guru, ibu bapa, dan komuniti

- Guru dan ibu bapa perlu bekerjasama dalam mendidik pelajar dengan nilai-nilai murni, memberi bimbingan agama dan menjadi contoh teladan. Ibu bapa juga harus diberi maklumat tentang tanda-tanda buli dan cara membantu anak-anak jika terlibat sebagai mangsa atau pelaku.

Meningkatkan kesedaran dan pendidikan tentang buli serta kesannya

- Program pendidikan seperti ceramah, bengkel dan kempen kesedaran dapat membantu pelajar memahami apa itu buli, bentuk-bentuknya dan akibat buruk kepada mangsa serta pelaku. Pendedahan ini menjadikan pelajar lebih peka dan bertanggungjawab terhadap tingkah laku sendiri.

Pelaksanaan program intervensi awal dan pembangunan sahsiah

- Sekolah boleh mengadakan program seperti kem ibadah, kursus motivasi, program mentor-mentee dan aktiviti pembentukan sahsiah untuk membina jati diri pelajar yang kukuh, meningkatkan kemahiran sosial, serta menggalakkan empati dan kepimpinan dalam kalangan pelajar.

